

PERASMIAN KONGRES EKONOMI CINA MALAYSIA KEDUA HILTON HOTEL, KUALA LUMPUR (K.L), 18 OGOS 1992

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Gabungan Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia kerana menjemput saya untuk berucap dan seterusnya merasmikan Kongres Ekonomi Cina Malaysia Kedua ini.

2. Kita telah megariskan Wawasan 2020 sebagai satu cita-cita dan matlamat rakyat Malaysia untuk maju ke hadapan supaya setanding dengan negara-negara maju yang lain dalam semua bidang. Ini memerlukan usaha dan kerjasama daripada semua golongan rakyat dan di antara rakyat dengan Kerajaan. Segala sumber dan tenaga perlu digembleng sepenuhnya bagi mencapai cita-cita ini.

3. Jika rekod pencapaian kita pada masa yang lepas boleh dijadikan petanda, saya yakin kita mampu mencapai matlamat tersebut. Sejak mencapai kemerdekaan 35 tahun yang lalu, Malaysia telah menghadapi berbagai-bagai masalah dan cabaran dalam usaha untuk menyatupadukan rakyat serta mempertingkatkan kedudukan ekonomi dan sosial mereka. Kita bukan sahaja secara amnya dapat mengatasi masalah-masalah dan cabaran-cabaran tersebut tetapi telah juga berjaya mencapai satu tahap kemajuan yang tinggi dalam hampir semua bidang. Ini telah meletakkan negara kita di antara negara-negara termaju di kalangan negara-negara membangun. Malahan di dalam beberapa aspek, pencapaian Malaysia adalah lebih baik daripada sesetengah negara maju di dunia. Ini merupakan satu hakikat yang patut dibanggakan oleh semua rakyat Malaysia.

4. Dari segi politik, kedudukan negara kita adalah stabil. Rakyat telah sedar bahawa politik perkauman yang bercorak "confrontational" yang diamalkan pada masa-masa lepas tidak memberi apa-apa faedah, bahkan boleh mengancam keselamatan rakyat dan meruntuhkan negara. Kini apa yang lebih dipentingkan ialah semangat kerjasama dan toleransi di antara kaum yang dapat menjamin kestabilan dan kemajuan negara. Ini adalah asas dan "prerequisite" bagi mencapai objektif Wawasan 2020 dan juga "survival" Malaysia sebagai negara yang merdeka. Kita telah lihat bagaimana negara-negara lain pecah dan hancur disebabkan sikap masing-masing kaum mementingkan diri sendiri tanpa mengira kepentingan golongan lain dan negara keseluruhannya. Sikap tamak atau "selfish" seperti ini akhirnya merugikan semua pihak dan tidak harus diamalkan di Malaysia yang sedang berusaha untuk membangun secara lebih pesat kerana telah tertinggal jauh di belakang.

5. Dari segi ekonomi, pencapaian Malaysia adalah lebih ketara. Sejak tahun 1970, purata ekonomi Malaysia telah berkembang pada kadar hampir 7 peratus setahun. Mulai tahun 1988, kadar pertumbuhan ini telah meningkat lebih daripada 8 peratus. Jika kadar pertumbuhan ini dapat dikekalkan, harapan kita untuk menjadi sebuah negara maju dalam tahun 2020 adalah amat cerah sekali.

6. Di dalam proses pembangunan ini, struktur ekonomi Malaysia telah

mengalami perubahan ke arah menjadi sebuah negara perindustrian. Kalau dahulu ekonomi Malaysia digelar sebagai "rubber and tin economy", kini sektor industri pembuatan merupakan sektor yang terpenting yang menyumbang lebih 28 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding dengan sektor pertanian sebanyak 18 peratus. Pada tahun 2000, sumbangan sektor pembuatan atau "manufac- turing" dijangka meningkat kepada 38 peratus. Eksport barang-barang kilang telah menggantikan barang pertanian dan perlombongan sebagai eksport utama Malaysia dan kini menyumbang 65 peratus kepada jumlah eksport negara. Ini dijangka meningkat kepada 81 peratus dalam tahun 2000.

7. Kemajuan pesat ini telah dicapai dengan adanya dasar- dasar Kerajaan yang liberal dan berorientasikan pertumbuhan yang menggalakkan penyertaan swasta serta pelaburan asing dalam pembangunan negara.

8. Cabaran yang Malaysia akan hadapi di masa-masa hadapan akan menjadi bertambah rumit lagi dengan perubahan dalam ekonomi dan perdagangan dunia yang sedang berlaku sekarang. Kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara-negara maju pada masa ini telah sedikit sebanyak memberi kesan kepada ekonomi kita daripada segi perdagangan dan pelaburan. Dalam suku pertama tahun ini kadar pertumbuhan eksport Malaysia telah menurun kepada 4 peratus berbanding dengan 20.6 peratus pada suku pertama tahun lepas. Ini kerana permintaan negara-negara maju bagi barang-barang eksport Malaysia telah berkurangan disebabkan kelembapan ekonomi negara-negara berkenaan. Bilangan projek-projek pelaburan yang diluluskan juga telah berkurangan kepada 159 bernilai \$8.6 ribu juta berbanding dengan pelaburan yang diterima pada suku pertama tahun 1991 sebanyak 286 projek bernilai \$15.8 ribu juta. Pelaburan dari Jepun dan Taiwan khususnya telah menurun dengan banyak akibat daripada masalah ekonomi mereka.

9. Kebuntuan di dalam Perundingan Perdagangan Dunia di bawah Pusingan Uruguay akan meningkatkan lagi sentimen "protectionist" di kalangan negara-negara maju dan mempercepatkan lagi penubuhan blok-blok perdagangan seperti NAFTA, Kesatuan Eropah (EC) dan beberapa lagi di Amerika Latin. Akibatnya negara kecil seperti Malaysia yang banyak bergantung kepada dagangan luar akan terjejas kerana pasaran bagi eksport kita semakin tersekat.

10. Dalam pada itu, kemunculan negara-negara bekas Sosialis di Eropah Timur dan bekas Soviet Union sebagai negara-negara ekonomi pasaran atau "market economy" adalah satu unsur baru di dalam perkembangan ekonomi dunia yang akan memberi cabaran dan juga peluang-peluang kepada Malaysia. Dengan perubahan ini, banyak pelaburan asing yang kini mengalir ke Malaysia dan ASEAN dijangka mengalih ke negara-negara tersebut. Ini bermakna bahawa Malaysia terpaksa "compete" secara hebat dengan negara-negara berkenaan untuk terus menarik pelabur-pelabur dari negara-negara maju dengan menawarkan peluang-peluang yang lebih baik dan memperbaiki lagi iklim pelaburan yang ada.

11. Kerajaan akan meneruskan dasar liberal dan terbuka yang ada sekarang

untuk memberi peluang seluas-luasnya kepada sektor swasta sebagai enjin pertumbuhan ekonomi negara. Jentera dan prosedur Kerajaan akan diperkemaskan lagi untuk memudahkan pihak swasta menjalankan urusan mereka dengan licin dan cekap. Usaha Kerajaan akan ditujukan ke arah menambah dan memperbaiki lagi infrastruktur fizikal, mempergiatkan aktiviti latihan teknikal dan perindustrian bagi menambah bilangan pekerja mahir untuk sektor industri, dan mempercepatkan pemindahan teknologi menerusi aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Di peringkat perdagangan antarabangsa pula, Kerajaan akan menambahkan usaha untuk menerokai pasaran-pasaran baru di Afrika, Amerika Latin, Indo-China, negara-negara Eropah Timur dan Commonwealth of Independent States (CIS) di samping meningkat dan mempelbagaikan eksport ke pasaran-pasaran tradisional. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah menubuhkan MALTRADE baru-baru ini yang akan menjadi Agensi utama di dalam usaha penggalakkan eksport negara.

12. Kita harus berbangga bahawa pada tahun lepas Malaysia telah mencapai kejayaan yang cemerlang sebagai pengeksport yang kedua puluh empat terbesar di kalangan negara-negara pengeksport terbesar dunia. Malaysia merupakan negara ASEAN yang pertama selain daripada Singapura yang telah mencapai tahap ini dan ia jelas menunjukkan kemampuan dan daya bersaing keluaran dan industri tempatan di pasaran antarabangsa. Cabaran di masa depan ialah bagi kita memperluas dan mempelbagaikan keluaran eksport bagi merangkumi lebih banyak barangan yang canggih dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi supaya prestasi eksport kita dapat dikekalkan. Ini bermakna pengeluar dan pengeksport kita hendaklah meningkatkan teknologi dan kualiti keluaran mereka, dan juga produktiviti pekerja-pekerja supaya mereka akan menjadi lebih berdaya saing. Usaha yang lebih agresif juga hendaklah diambil untuk mencari pasaran baru. Dalam hal ini peranan Dewan-Dewan Perniagaan adalah penting untuk menyelaras dan menggembelng tenaga dan usaha ahli-ahlinya untuk menyokong dan menambah usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan ke arah mempertingkatkan lagi sektor perdagangan dan perindustrian. Mereka perlu juga membuat inisiatif sendiri untuk menerokai aktiviti-aktiviti baru dan tidak hanya menunggu tindakan daripada Kerajaan.

13. Saya sukacita bahawa tumpuan Kongres ini ialah untuk membincangkan peranan yang patut dimainkan oleh masyarakat Cina Malaysia di dalam memajukan ekonomi negara dan mencapai cita-cita Wawasan 2020. Masyarakat Cina mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas dan mendalam dalam lapangan perniagaan. Mereka dikatakan mempunyai kebolehan yang unik, untuk "menghidu keuntungan" atau "to smell pro-fits", dan dengan itu dapat merebut peluang-peluang yang timbul dengan cepat. Kebolehan pengurusan dan "entrepreneurship" yang tinggi serta sokongan daripada keluarga dan persatuan membolehkan mereka menghadapi cabaran dan risiko untuk terus maju dan bersaing. Di samping itu, tabiat berjimat cermat dan menyimpan untuk masa hadapan adalah satu tradisi masyarakat Cina yang baik yang dapat membantu di dalam perniagaan mereka.

14. Sifat-sifat seperti ini amatlah penting untuk berjaya di dalam ekonomi

pasaran seperti Malaysia. Semangat ingin berjaya dan berdikari membolehkan kita bersaing dan merebut peluang-peluang yang timbul daripada pembangunan ekonomi. Di sini masyarakat Melayu dan Bumiputera yang lain patut mempelajari sifat-sifat kaum Cina yang sihat ini jika mahu berjaya di dalam perniagaan.

15. Dasar Pembangunan Nasional bertujuan untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di samping mewujudkan peluang yang lebih adil kepada semua pihak. Ini sahajalah cara yang sesuai bagi menentukan kestabilan dan perpaduan negara di masa hadapan. Selaras dengan dasar ini Kerajaan akan terus berusaha membantu kaum Bumiputera supaya setanding dengan bukan Bumiputera di dalam lapangan perdagangan dan perindustrian. Tetapi tumpuan akan diberi kepada pengwujudan pengurus-pengurus dan pengusaha-pengusaha yang berpengetahuan, cekap, berinisiatif, berdikari, boleh mengenalpasti, mandiri dan menguruskan projek-projek serta dapat bersaing di pasaran terbuka. Dalam perkataan lain, Kerajaan mahukan satu masyarakat perniagaan dan perindustrian Bumiputera yang berdayamaju, berdayasaing, dinamik dan progresif diwujudkan setanding dengan masyarakat lain supaya ia sama-sama dapat menyumbang secara berkesan ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020.

16. Saya harap masyarakat Cina Malaysia tidak akan salah anggap perkara ini sebagai satu ketidakadilan atau "injustice" kepada mereka. Sebaliknya mereka hendaklah menerima perkara ini secara positif, sebagai satu usaha dan langkah ke arah kestabilan politik yang akan membawa kebaikan jangka panjang kepada negara, dan dengan itu memberikan segala kerjasama yang wajar untuk menjayakannya. Ekonomi negara yang berkembang pesat memberikan banyak peluang. Tidak sesiapa akan rugi jika peluang-peluang ini diagihkan untuk mengimbangkan pembangunan kaum-kaum di Malaysia.

17. Saya berharap Kongres ini akan juga membincangkan cara-cara meningkatkan usahasama di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera. Ini merupakan langkah yang berkesan ke arah mencapai integrasi ekonomi dan menghapuskan pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi, di samping membantu usahawan Bumiputera memasuki bidang perniagaan dengan berkesan. Interaksi seperti ini akan menghapuskan syak wasangka di antara kedua-dua pihak dan akan mengurangkan perasaan perkauman yang tebal. Orang-orang Melayu dan Bumiputera hendaklah menggunakan usahasama seperti ini sebagai satu cara untuk mempelajari selok-belok perniagaan dan bukan untuk kaya cepat. Orang-orang Cina pula hendaklah menganggap rakan usahasama Melayu mereka sebagai "equal and real partners" dan bukannya sebagai alat ataupun "front" untuk mendapatkan kemudahan Kerajaan. Saya yakin dengan sikap positif seperti ini banyak projek usahasama akan dapat diwujudkan dengan jayanya.

18. Pembangunan ekonomi yang berkekalan dalam negara berbilang kaum seperti Malaysia tidak boleh diasaskan semata-mata kepada faktor ekonomi sahaja. Ianya hendaklah dilihat dalam konteks pembinaan negara di mana kejayaannya akan diukur daripada sejauh mana ia telah menyumbang ke arah pembangunan nasional. Hanya melalui keadilan ekonomi sahajalah akan dapat

kita mencapai objektif Wawasan 2020 sepenuhnya.

19. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Kongres Ekonomi Cina Malaysia Kedua.